

Luluskan segera tanah untuk projek-projek awam

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM

maisarah.rahim@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Kerajaan Negeri perlu memberikan keutamaan dan menyegerakan kelulusan permohonan pengambilan tanah untuk projek awam yang dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, perkara itu diputuskan dalam Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri (MBKM) ke-138 menerusi agenda komitmen bersama Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri berhubung perolehan tanah untuk pelaksanaan pembangunan kerajaan berkepentingan awam.

Menurut beliau, kerajaan negeri perlu membantu menyelesaikan isu halangan di atas tanah kerajaan negeri yang terlibat dengan projek-projek kerajaan berkepentingan awam.

“Pada masa sama, perbincangan lanjut akan diadakan berhubung kadar premium



ISMAIL Sabri Yaakob mempengerusikan Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri (MBKM) Ke-138 di Putrajaya semalam. - PEJABAT PERDANA MENTERI

yang dikenakan untuk pembebasan dan cukai tanah oleh kerajaan negeri selaras dengan ketetapan yang dibuat Majlis Tanah Negara,” katanya dalam kenyataan semalam.

Ismail Sabri berkata, isu tanah menyebabkan kelewatan dan secara tidak langsung memberi implikasi kewangan kepada kerajaan.

Dalam Rancangan Malaysia

Ke-12 (RMK-12), beliau menjelaskan, kerajaan memberi tumpuan kepada projek infrastruktur berimpak tinggi seperti projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL), landasan berkembar elektrik Gemas ke Johor Bahru, Projek Sistem Transit Rapid (RTS), Lebuhraya Pantai Barat (WCE), Central Spine Road dan Lebuhraya Kota Bharu - Kuala Krai.

“Projek-projek ini akan beri limpahan ekonomi yang besar kepada negeri-negeri terbabit,” katanya.

Dalam pada itu, Perdana Menteri berkata, kerajaan menggariskan 11 penyelesaian jangka pendek dan sembilan jangka panjang sebagai satu strategi pengurusan bencana disebabkan keadaan cuaca yang tidak menentu kesan daripada pemanasan global.

Menurut beliau, bagi penyelesaian jangka pendek antaranya ialah memastikan kesiapsiagaan infrastruktur tebatan banjir (pam, pintu air dan set generator) pada tahap optimum dengan kerjasama kerajaan negeri.